

## Selangor, BNM bincang longgar syarat pembiayaan rumah

**Kerajaan** Selangor sedang berbincang dengan Bank Negara Malaysia (BNM), untuk mengemukakan cadangan melonggarkan sedikit syarat pembiayaan yang dikenakan kepada pembeli kediaman di negeri itu.

EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar Negeri, Haniza Mohamed Talha, berkata cadangan yang dikemukakan itu adalah untuk membantu dan memudahkan proses pembelian rumah terutama dalam kalangan pembeli pertama dan berpendapatan di bawah RM5,000, selain dapat mengurangkan jumlah lebihan kediaman di Selangor.

“Ramai dalam kalangan Bumiputera tidak dapat memiliki unit kediaman disebabkan gagal menerima pembiayaan daripada bank. Justeru, kami sedang dalam perbincangan dengan institusi kewangan untuk menyemak semula syarat pinjaman rumah.

“Sekiranya dapat memberi pembiayaan 100 peratus, ia akan memberi peluang lebih ramai untuk memiliki unit kediaman. Dalam pendekatan untuk melonggarkan sedikit syarat (pembiayaan) bank, kera-

jaan mungkin boleh menyediakan cagaran kepada pihak bank supaya mereka merasa lebih terjamin untuk beri pinjaman 100 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Ekspo Hartanah dan Perumahan Bumiputera ( Bumi MAPEX), di Shah Alam, semalam.

Hadir sama, Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Ir Soam Heng Choom.

Haniza berkata, kerajaan negeri juga sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat perbankan untuk membuat perbandingan bagi penawaran pembiayaan terbaik.

“Sehingga kini, kami sudah menyenarai pendek dua institusi perbankan dan perbincangan masih dijalankan. Kerajaan negeri dijangka akan mengumumkan hasil perbincangan ini pada pertengahan Oktober depan.

“Buat masa ini, cadangan pembiayaan ini hanya tertumpu kepada Rumah Selangorku. Kami akan kaji sekiranya ia perlu dikembangkan lagi pada masa akan datang,” katanya.